

## PERATURAN AM

1. Tidak dibenarkan makan, minum, merokok, meludah, tidur dan menconteng di dalam perpustakaan.
2. Tidak dibenarkan membuat bising hingga mengganggu ketenteraman pengguna lain.
3. Tidak dibenarkan mengambil gambar di dalam perpustakaan tanpa mendapat kebenaran pegawai yang bertugas.
4. Pengguna hendaklah membuang sampah ke dalam bakul sampah yang disediakan.
5. Tidak dibenarkan mengubah susunatur perabot atau peralatan di perpustakaan.
6. Bahan-bahan daripada Bahagian Rujukan di aras 1 tidak dibenarkan dibawa turun atau sebaliknya melainkan dengan kebenaran pegawai yang bertugas.
7. Tidak dibenarkan membawa masuk beg, fail, buku, majalah, kertas nota, bahan berjilid, payung, topi keledar, pisau, gunting dan benda-benda tajam yang lain dan sebagainya kecuali atas kebenaran Petugas Kaunter. Para pengguna dikehendaki meninggalkannya ditempat simpanan yang disediakan.
8. Pihak Perpustakaan Awam Perbadanan Labuan tidak akan bertanggungjawab di atas keselamatan barang-barang yang disimpan di tempat penyimpanan barang atau mana-mana kawasan di dalam atau di luar Perpustakaan. Sebarang kerosakan atau kehilangan adalah tanggungjawab sendiri.
9. Haiwan peliharaan tidak dibenarkan sama sekali dibawa masuk ke dalam perpustakaan.
10. Bunyi isyarat akan dibunyikan 15 minit sebelum masa tutup dan semua pengguna dikehendaki meninggalkan perpustakaan.
11. Jangan berebut-rebut semasa hendak masuk atau keluar dari perpustakaan.
12. Menempah tempat duduk tidak dibenarkan dan sebarang buku atau alat yang ditinggalkan di atas meja atau kerusi akan dipungut oleh kakitangan.
13. Perbuatan tidak senonoh atau sumbang adalah dilarang sama sekali dilakukan di dalam perpustakaan termasuk di dalam TANDAS.
14. Ketika hendak meninggalkan perpustakaan semua pengguna dikehendaki menunjukkan buku atau bahan yang dibawa keluar untuk pemeriksaan.
15. Pengguna tidak dibenarkan sama sekali masuk ke tempat yang dilarang atau yang bernotis "Untuk Kakitangan Sahaja".

## PERATURAN PINJAMAN

Perpustakaan Awam Perbadanan Labuan telah menetapkan peraturan peminjaman dan pemulangan seperti berikut untuk dipatuhi:

1. Seorang ahli boleh meminjam tiga buah buku untuk tempoh tiga minggu.
2. Ahli dikehendaki membawa kad pengenalan/MyKid bersama badi setiap pinjaman bagi tujuan kemaskini/pencarian maklumat pinjaman ke dalam sistem perpustakaan.
3. Hanya buku-buku di bahagian pinjaman umum sahaja yang boleh dipinjam. Buku-buku dan bahan bacaan rujukan bertanda **RD**, **RK** dan **RED** tidak dibenarkan untuk dipinjam.
4. Ahli juga boleh memperbaharui tempoh pinjaman buku sebanyak dua kali dengan syarat tidak ada ahli lain yang membuat tempahan.
  - 4.1 Pembaharuan boleh dibuat sekali melalui telefon dengan syarat tidak lewat atau pada tarikh pemulangan buku.
  - 4.2 Pembaharuan lebih dari sekali hanya boleh dibuat dengan datang sendiri ke kaunter perpustakaan.
5. Seorang ahli yang tidak memulangkan buku yang dipinjam lebih daripada tempoh akan dikenakan denda. Denda yang dikenakan adalah mengikut jumlah buku dan hari lewat pemulangan. Cuti umum tidak diambilkira.
  - 5.1 Kadarnya ialah RM0.10 sen sehari untuk sebuah buku.
  - 5.2 Denda maksima dengan kadar RM10.00 dikenakan apabila tempoh lewat pemulangan pada atau melebihi 100 hari bagi sesebuah buku.
6. Ahli yang tidak memulangkan buku atau engkar untuk membayar denda akan ditahan pinjamannya atau keahlian dibatalkan.
7. Ahli yang meminjam buku adalah bertanggungjawab terhadap buku yang dipinjam dari koyak, kotor, rosak, contengan dan kehilangan.
8. Jika berlaku kehilangan buku, ahli perlu melaporkan kepada Petugas Kaunter dengan segera. Denda dikenakan mengikut kadar harga buku tersebut seperti yang diperolehi oleh perpustakaan.

## PERATURAN SAHSIAH RUPA DIRI

Bagi memastikan perpustakaan digunakan dengan cara yang tidak betul peraturan sahshiah rupa diri adalah perlu. Sahshiah yang sempurna akan memudahkan kawalan disiplin pengguna dan menghayati amalan budaya Malaysia yang penuh dengan tatatertib. Pihak perpustakaan mendukung penuh usaha kerajaan dalam menyemai peradaban masyarakat berteraskan kesopanan dan kesusilaan. Antara jenis pakaian yang **DILARANG / TIDAK DIBENARKAN** adalah seperti berikut :

1. Seluar pendek yang tidak melepasi paras lutut (Dewasa)
2. Skirt pendek yang tidak melepasi paras lutut (Dewasa)
3. Baju tidur
4. Singlet atau baju tanpa lengan
5. Seluar ketat
6. Memakai selipar
7. Memakai topi
8. Sebarang jenis jaket
9. Membawa masuk kamera, perakam video/kaset, permainan video dan telefon bimbit kecuali dimatikan ("off") atau "Silent Mode".
10. Pakaian yang menjolok mata atau perlakuan yang tidak senonoh pada pandangan Pegawai Perpustakaan yang bertugas.

Pegawai Perpustakaan yang bertugas berhak menghalang pengguna yang tidak mematuhi etika yang telah ditetapkan dari masuk ke perpustakaan.